

PM ajak Matsushita sertai MSC

BH - 9 JUN 2000

Daripada M Thillinadan

TOKYO, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak syarikat gergasi elektrik dan elektronik Jepun, Matsushita, untuk melabur dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perdana Menteri mahu Matsushita menggunakan pelbagai insentif yang disediakan kerajaan untuk syarikat yang melabur di MSC, khususnya dalam melahirkan tenaga kerja mahir dalam bidang multimedia dan teknologi maklumat (IT).

“Kita menghadapi kekurangan dalam bidang itu (tenaga kerja mahir IT).

“Kerajaan mahu Matsushita yang mempunyai keupayaan tinggi dalam Kajian & Pembangunan (R&D) dalam IT dan multimedia supaya membantu ke arah usaha itu (melahirkan tenaga mahir IT).

“Sejak Matsushita mula melabur di Malaysia pada 1965, ia membawa banyak manfaat kepada Malaysia, bukan saja melalui eksportnya, tetapi juga kepada perkembangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

“Kita mahu mereka meneruskan usaha itu, khususnya dalam pemindahan teknologi dalam bidang multimedia,” katanya ketika berbincang dengan pegawai kanan Matsushita di sini, hari ini.

Perdana Menteri yang da-

lam rangka lawatan kerja seminggu ke Jepun, hari ini melawat Pusat Multimedia Matsushita di Matsushita Electric Industrial Co Ltd di sini. Pusat itu menjadi nadi kepada R&D syarikat berkenaan dalam bidang IT dan multimedia.

Beliau juga melawat sebuah rumah masa depan yang dikenah sebagai “Hii House” diusahakan oleh pusat itu. menggunakan sepenuhnya multimedia dan digital untuk semua kegiatan di dalam rumah berkenaan.

Rumah masa depan itu yang dibina dengan kaca dikawal sepenuhnya menggunakan alat kawalan jauh. Ruang tamunya dilengkapi dengan sebuah set televisyen dengan 200 saluran dari seluruh dunia serta boleh menggunakan Internet, urusan pembelian, perkhidmatan, komunikasi dan beli-belah secara elektronik.

Bilik tidurnya dilengkapi kotak pengawasan kesihatan secara elektronik termasuk kemudahan sidang video dengan doktor di samping semua data kesihatan dan kecederaan melalui sebuah telefon khas yang boleh merakam kesakitan dan menghantar kepada doktor secara video.

Bilik bacaan pula dilengkapi dengan televisyen

digital dengan kemudahan persidangan video untuk berhubung dengan pensyarah atau perpustakaan. Satu ciri keselamatan utama rumah masa depan ini ialah pemilik boleh melihat pelawat ke rumahnya walaupun tanpa berada di rumah dengan menggunakan kamera telefon bimbit yang merdkam setiap pelawat melalui alat saluran interkom.

Apabila pelawat menekan butang rumah, video yang dipasap dalam interkom itu menghantar gambar pelawat kepada skrin telefon.

Dr Mahathir berkata, Malaysia boleh belajar banyak daripada kajian Matsushita, khususnya mengenai kecanggihan teknologinya.

Sementara itu, Naib Presiden Eksekutif Matsushita Electric, Masayuki Matsushita dalam ucapan aluannya berkata sejak 1965, pengeluaran Matsushita di Malaysia mencapai RM9 bilion.

Katanya, syarikat itu kini mempunyai 30,000 pekerja di semua kilangnya di Malaysia dan eksport syarikat kini mencapai sehingga RM7 bilion.

“Kami ingin merakam terima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana sokongan dan tunjuk ajar yang membolehkan kami terus beroperasi di Malaysia,” katanya.